

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA  
PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN SAHIB @  
SAHIBUDDIN, FASc**

**NAIB CANSELOR UiTM**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN  
KEJOHANAN SUKAN ANTARA KOLEJ  
2023**

**24 NOVEMBER 2023 | JUMAAT | 7 MALAM  
STADIUM UiTM SHAH ALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

- **Yang Berbahagia Profesor Dr. Azlinda Azman**  
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi
- **Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi**  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar  
Universiti Teknologi MARA
- Barisan Pengurusan Kanan Universiti,
- Wakil-Wakil Media,
- Atlet-Atlet Sukan Antara Kolej dan Hadirin Sekalian.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dalam **Majlis Perasmian Kejohanan Sukan Antara Kolej (SUKOL) 2023** pada malam ini.
2. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi kerana sudi hadir bersama-sama kita pada malam ini. Secara tidak langsung, ia menunjukkan sokongan dan komitmen yang tinggi daripada YBhg. Profesor Dr. terhadap pembangunan sukan di UiTM.
3. Kita sedia maklum bahawa aktiviti sukan sudah kembali aktif pada masa sekarang ini. Perkara asas yang perlu dilakukan adalah untuk kita semua menjalani gaya hidup sihat terutama menghidupkan kembali suasana “*Sporting Campus*” melalui penganjuran aktiviti dan kejohanan-kejohanan sukan di peringkat dalaman UiTM

antaranya seperti Kejohanan Sukan Antara Kolej (SUKOL) 2023 ini.

4. Pepatah Arab ada menyebut akal yang cerdas terletak pada badan yang sihat. Pepatah ini memerihalkan pentingnya menjaga badan yang sihat untuk akal yang sihat. UiTM secara khususnya amat menggalakkan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti sukan sebagai salah satu wadah bagi membentuk dan meningkatkan sahsiah yang berupaya melonjak diri dan karisma di samping melahirkan mahasiswa UiTM yang mempunyai minda yang cerdas dan tubuh yang sihat.

5. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pusat Sukan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM yang berjaya menganjurkan Sukan Antara Kolej (SUKOL) 2023 pada kali ini dengan begitu baik dan meriah. Alhamdulilah.

**Hadirin sekalian,**

6. SUKOL 2023 pada kali ini mempertandingkan 19 jenis acara sukan termasuk acara e-sukan yang melibatkan 9 kontinen kolej kediaman di UiTM Shah Alam. Penyertaan bagi SUKOL 2023 pada kali ini melibatkan 2,200 orang mahasiswa dan pegawai yang terlibat pada kejohanan pada kali ini.

7. Program ‘*Sporting Campus*’ yang dijalankan oleh Pusat Sukan UiTM adalah untuk menggalakkan penglibatan mahasiswa dan warga kerja UiTM dalam aktiviti sukan. Pengajuran sukan ini telah menyumbang kepada indeks kegembiraan warga kampus melalui aktiviti sukan yang disertai.

8. Pelung ini juga dilihat sebagai platform untuk mengenengahkan bakat baharu dalam kalangan mahasiswa khususnya. Antara mereka yang cemerlang di persada sukan antarabangsa ialah atlet boling padang negara iaitu Saudari Nur Ain Nabilah Tarmizi yang bergandingan dengan Saudari Aleena Ahmad Nawawi. Mereka telah dinobatkan sebagai Juara Dunia bagi acara

Pairs Wanita di Kejohanan World Bowls Championship 2023 yang berlangsung di Gold Coast, Australia pada bulan September baru-baru ini.

9. Selain itu, Saudara Muhammad Aniq Kasdan iaitu atlet angkat berat negara yang memenangi pingat gangsa di Kejohanan Angkat Berat Dunia menerusi acara *clean and jerk* kategori 61 kilogram.

10. Manakala, pasukan Bola Sepak UiTM iaitu pasukan UiTM United juga telah beraksi cemerlang dan bergelar Juara Piala Al-Ikhsan (Liga M4) 2023 dan Juara Piala Sumbangsih Liga Bola Sepak IPT 2023/2024. Bagi sukan Futsal Lelaki pasukan UiTM telah menjuarai Kejohanan Liga Futsal IPT 2023.

11. Sudah pastinya, Kontinjen UiTM berada dalam kelas yang tersendiri di peringkat sukan universiti di Malaysia. UiTM telah dinobatkan Juara Keseluruhan Karnival Sukan MASUM 2023 dengan pungutan pingat sebanyak 36 emas, 27 perak dan 29 gangsa, ini menjadikan UiTM mempertahankan Juara Keseluruhan Karnival Sukan

MASUM selama 4 kali berturut-turut. Dengan pencapaian tersebut menunjukkan bahawa pelajar UiTM cemerlang dan terkehadapan dalam bidang sukan.

**Hadirin sekalian,**

12. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pusat Sukan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM kerana telah berjaya menganjurkan SUKOL 2023, dengan sokongan dari pihak kolej kediaman UiTM Shah Alam.
13. Saya berharap semangat dan komitmen ini diteruskan dengan pelbagai lagi inisiatif yang mampu melahirkan graduan bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik malah bidang sukan.
14. Kepada YBhg. Prof. Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, terima kasih sekali lagi kerana sudi hadir merasmikan Kejohanan Sukan Antara Kolej (SUKOL) 2023 pada malam ini.

**Sekian**

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**